



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **PENJELASAN CUKAI PENDAPATAN PERNIAGAAN *ONLINE***

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menarik perhatian pihak media dan orang ramai mengenai isu cukai perniagaan dalam talian (*online*) yang banyak diperkatakan beberapa hari ini.

Harap maklum bahawa tiada peruntukan khusus berkenaan layanan terhadap cukai pendapatan perniagaan *online* di Malaysia. LHDNM melayani cukai pendapatan perniagaan *online* sama seperti cukai pendapatan perniagaan *offline*/konvensional. Di mana menurut Seksyen 4 Akta Cukai Pendapatan 1967, pendapatan suatu perniagaan layak dikenakan cukai pendapatan setelah mengambilkira semua perbelanjaan yang layak dibenarkan dalam perniagaan dan pelepasan-pelepasan cukai yang layak dituntut oleh para peniaga tersebut.

Bagi perniagaan *online* yang dijalankan oleh individu, cukai pendapatan mereka akan mengikut kadar cukai pendapatan individu bermula dari 0% sehingga 28% (mulai Tahun Taksiran 2016). Manakala bagi perniagaan *online* oleh syarikat pula kadar cukai pendapatan yang akan dikenakan adalah antara 19% dan 24%.

Justeru, jelas bahawa cukai pendapatan terhadap perniagaan *online* ini bukanlah suatu perkara baharu, di mana ia merupakan jenis cukai pendapatan yang sama dikenakan ke atas para peniaga konvensional (*offline*).

Menyedari kepesatan pertumbuhan perniagaan *online* sejak beberapa tahun ini, LHDNM telah mengambil inisiatif menerbitkan satu garis panduan teknikal berhubung layanan cukai pendapatan terhadap perniagaan elektronik (e-Dagang) bertajuk “Garis Panduan Percukaian Perdagangan Elektronik” pada tahun 2013. Selain itu, risalah berkaitan e-Dagang juga turut diterbitkan setiap tahun untuk rujukan orang ramai dalam menguruskan urusan percukaian mereka. Garis panduan dan risalah ini boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) .

**Garis Panduan Teknikal:**

[http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GUIDELINES\\_ON\\_TAXATION\\_OF\\_ELECTRONIC\\_COMMERCE.pdf](http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GUIDELINES_ON_TAXATION_OF_ELECTRONIC_COMMERCE.pdf)

**Risalah:**

[http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/17\\_e\\_Dagang.pdf](http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/17_e_Dagang.pdf)

Sehubungan itu kami menasihatkan semua peniaga *online* agar mendaftarkan perniagaan dengan agensi berkaitan, membuka fail cukai pendapatan dengan LHDNM dan menyimpan semua dokumen perniagaan mereka. Pendapatan daripada perniagaan *online* tersebut perlu diisytiharkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan cukai pendapatan yang ditaksir hendaklah dibayar kepada LHDNM pada setiap tahun.

Sekiranya para peniaga online mempunyai sebarang kemusykilan mengenai isu ini bolehlah melayari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau berhubung terus dengan Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau usulkan sebarang pertanyaan melalui borang maklum balas LHDNM di pautan berikut:

<http://maklumbalas.hasil.gov.my/>

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan oleh:**

Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar  
Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Tel : 03-8313 8888  
Faks : 03-8313 7801

Tarikh: 23 Mei 2016